



**JAWATAN KOSONG**  
**SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD**

1. Jawatan Kosong : Ketua Jabatan Perancangan & Pembangunan Aset Air
2. Gred Gaji : Gred EX-6
3. Taraf Jawatan : Tetap
4. Bilangan Kekosongan : Satu (1)
5. Penempatan : Jabatan Perancangan & Pembangunan Aset Air

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

**SYARAT LANTIKAN :**

Pegawai SAMB adalah layak dipertimbangkan ke jawatan Ketua Jabatan Perancangan & Pembangunan Aset Air (Gred EX-6) dengan syarat sebagaimana berikut :

1. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kejuruteraan awam atau kejuruteraan mekanikal yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta yang diiktiraf Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai Himpunan Purata Nilai Mata (CGPA 3.00 dan ke atas) yang cemerlang;
2. Memiliki minima lima belas (15) tahun pengalaman dalam bidang kejuruteraan awam atau kejuruteraan mekanikal serta mempunyai sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun pengalaman berkaitan sistem bekalan air;
3. Keutamaan bagi yang berdaftar sebagai Jurutera Profesional dengan Lembaga Jurutera dalam bidang kejuruteraan berkaitan;
4. Lulus kursus / latihan dan / atau ujian yang ditetapkan oleh Syarikat;
5. Telah disahkan dalam perkhidmatan;
6. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
7. Sokongan oleh Penyelia.

**BIDANG TUGAS UTAMA :**

1. Menyelaras pembangunan plan perniagaan dan pelaksanaan strategik perancangan jangka panjang dan jangka pendek selaras dengan keperluan Akta IPA 2006 yang berkaitan;
2. Memperakukan permohonan bekalan air bagi projek pembangunan Negeri Melaka;
3. Menyelaras projek-projek bekalan air dalam Negeri Melaka di bawah Rancangan Malaysia;
4. Menyelaras laporan projek dan membentangkan status kepada Pengurusan Tertinggi;
5. Menganalisa data untuk penilaian prestasi projek dan membuat keputusan untuk meningkatkan kecekapan operasi dan pulangan kos;
6. Mengawasi perancangan, penjadualan dan pemantauan projek mengikut bajet serta spesifikasi yang ditetapkan;
7. Bekerjasama dengan pihak berkepentingan dalaman dan luaran dalam memastikan komunikasi yang berkesan dalam mencapai matlamat;
8. Menyelia dan menyelaras Jabatan.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 8 NOVEMBER 2024 (JUMAAT)**